

BAB 5: RAJAH

1. Umum.

- Rajah adalah **gambaran maklumat dan data geografi** dalam **bentuk grafik** atau ilustrasi.
- Penggunaan rajah di dalam penyampaian maklumat berfungsi untuk **meringkaskan maklumat, maklumat lebih jelas, menarik dan mudah difahami.**
- Rajah digunakan untuk **menjelaskan sesuatu perkara berbentuk proses atau aliran maklumat.**
- Sebuah rajah yang lengkap mempunyai beberapa ciri iaitu:
 - **Tajuk**
 - **Label**
 - **Maklumat ringkas.**
- Rajah terdiri daripada 2 jenis iaitu:
 1. **Rajah kitaran.**
 2. **Peta minda.**

1. Apakah yang dimaksudkan sebagai rajah?

2. Berikan 3 fungsi utama penggunaan rajah?

1. _____
2. _____
3. _____

3. Nyatakan 3 ciri utama sebuah rajah yang lengkap.

1. _____
2. _____
3. _____

4. Nyatakn 2 jenis rajah.

1. _____
2. _____

2. Rajah Kitaran.


- Rajah kitaran adalah **gambaran maklumat di dalam bentuk proses atau kitaran.**
- Rajah kitan melibatkan beberapa perkara iaitu:
 1. Aliran maklumat.
 2. Penggunaan anak panah dan nombor.
 3. Penerangan ringkas mengenai proses atau maklumat tertentu.

2.1 Mentafsir Rajah Kitaran.

- Dalam tafsiran rajah kitaran seseorang pembaca perlu melihat beberapa perkara iaitu:
 1. Tajuk.
 2. Susunan nombor atau urutan.
 3. Anak panah yang memperlihatkan aliran.
 4. Label dan juga penerangan ringkas.

B5 Latihan 2

Jawab semua soalan berdasarkan Rajah 5.1 di bawah.



Rajah 5.1: Kitaran Pertanian Pindah.

Sumber: Chong Mui Sen dan Azizan Hj. Abu Samah, 2003.

1. Rajah di atas adalah mengenai _____.
2. Sebelum padi huma atau jagung ditanam kawasan hutan perlu _____.
3. Bilakah petani pindah akan tinggalkan sesuatu kawasan dalam kitaran pertanian pindah?
4. Apakah jenis tanaman yang biasa ditanam dalam amalan pertanian pindah?
5. Tanah yang kehilangan kesuburan apabila ditinggalkan akan menjadi _____ selepas beberapa tahun.

3. Peta Minda.

- Peta minda merupakan sejenis rajah yang dilukis bertujuan untuk **meringkaskan maklumat**.
- Sebuah peta minda mempunyai beberapa ciri iaitu:
 1. Tajuk.
 2. Maklumat-maklumat ringkas.
 3. Penggunaan anak panah.

B5 Latihan 3.

Arahan: Berdasarkan petikan di bawah, lukis sebuah peta minda untuk meringkaskan maklumat mengenai kepentingan tanah tinggi di Malaysia.

Kepentingan tanah tinggi di Malaysia.

Tanah tinggi di Malaysia bukan sahaja memperlihatkan kepelbagaian ciri bentuk muka bumi tetapi juga memainkan peranan penting kepada kehidupan manusia. Tanah yang menjadi habitat utama hutan yang bukan sahaja menjadi sumber kayu balak tetapi juga penting sebagai kawasan tadahan air. Di samping itu, hutan di kawasan tanah tinggi juga memainkan peranan sebagai pembekal sumber bahan binaan sekaligus menjadi salah satu sumber ekonomi.


Dalam pada itu, bentuk muka bumi yang bercerun-curam menjadi legeh utama sungai dengan aliran yang deras membolehkan pembinaan pusat menjana kuasa elektrik hidro. Malahan, kawasan tanah tinggi bukan sahaja penting sebagai kawasan aktiviti pertanian tetapi juga sangat penting sebagai destinasi pelancongan yang penting seperti Gunung Jerai, Tanah Tinggi Cameron, Tanah Tinggi Genting, Taman Kinabalu dan sebagainya.

3.1 Mentafsir Peta Minda.

- Dalam tafsiran peta minda seseorang pembaca perlu melihat beberapa perkara iaitu:
 5. Tajuk.
 6. Susunan nombor atau urutan.
 7. Anak panah yang memperlihatkan aliran.
 8. Label dan juga penerangan ringkas.

B5 Latihan 4.

Jawab semua soalan berdasarkan Rajah 5.2 di bawah.



Rajah 5.2: Peta Minda Kepentingan Sungai.

1. Peta minda di bawah adalah mengenai _____.
2. Apakah kepentingan sungai yang ke-5?
3. Apakah kepentingan sungai sebelum kepentingan keempat?
4. Senaraikan 3 kepentingan sungai yang paling utama.
 1. _____
 2. _____
 3. _____